

100 penduduk jayakan Dakwah Bil Hal di Telupid

NST 19.4.2018 7

TELUPID: Lebih 100 penduduk kampung menyertai Program Dakwah Bil Hal Bersama Saudara Baru dan Masyarakat Kampung Bakong-Bakong, Telupid anjuran Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) baru-baru ini.

Dianjurkan dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Sabah, program itu diselaraskan Pembantu Hal Ehwal Islam PIUMS, Ustaz Jimmis Jumaat.

Ustaz Jimmis berkata, pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung, antaranya forum santai berke-

naan akidah dan syariah, sesi soal jawab keagamaan dan bengkel pengurusan jenazah bagi lelaki dan wanita.

“Program dimeriahkan lagi dengan pertandingan sukaneka selain gotong-royong menyediakan makanan untuk jamuan para peserta rombongan dan penduduk kampung,” jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Kampung Bakong-Bakong, Baung Hj. Titing ketika ditemui media berkata, beliau merasa terharu atas kesudian rombongan PIUMS dan pihak YADIM menjalankan aktiviti dakwah dan kerja amal bersama penduduk kam-

pung.

“Saya selaku ketua kampung mewakili semua penduduk sangat berterima kasih dan berbesar hati dengan kehadiran rombongan PIUMS dan YADIM yang sanggup datang dari jauh menjalankan aktiviti dakwah di samping menyampaikan sumbangan kepada penduduk,” katanya.

Pada majlis itu menyaksikan penyampaian bantuan berupa wang tunai, set perlengkapan jenazah, sejadah, buku Yassin dan Tafsir serta pakaian kepada saudara baru, fakir miskin dan warga emas di kampung tersebut.